

CNS9285

R GB 27-07 00142 BA304

aab

Mahathir - Australia

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia tidak boleh menerima kebebasan akhbar ala-Australia, yang bebas mencipta bermacam-macam jenis pembohongan.

Katanya, beliau telah menjelaskan perkara itu ketika Menteri Luar Australia Senator Gareth Evans mengunjunginya ketika berada di sini untuk menghadiri Persidangan Selepas Menteri-Menteri Luar Asean yang berakhir Selasa lepas.

Di Australia, kebebasan akhbaranya lebih daripada kebebasan biasa, iaitu kebebasan untuk mencipta bermacam-macam jenis pembohongan, katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Dalam hubungan itu, Perdana Menteri juga telah menjelaskan bahawa kerajaan negara itu tidak perlu mempertahankan alasan seperti itu.

Malaysia berpendapat kebebasan akhbar tidak termasuk membuat cerita untuk memburukkan orang tetapi boleh diterima jika mereka menyiarkan cerita-cerita yang benar kedua-dua pihak, katanya. -- Lagi

♥27/07/15-40MST

CNS9293

R GB 27-07 00153 BA306

aab

Mahathir - Australia 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan Malaysia menyedari akan adanya kebebasan akhbar di sana dan di negara ini.

Bgaimanapun, beliau berkata, ramai orang asing mengatakan tidak ada kebebasan akhbar di negara ini kerana mereka kemungkinan membaca akhbar-akhbar New Straits Times, Berita Harian dan Utusan Malaysia dan tidak membaca akhbar-akhbar lain seperti Harakah, Watan dan Rocket.

+Kebebasan akhbar tidak mencukupi bagi kita. Akhbar bebas, tetapi akhbar yang sengaja membohong, ini bukan bermakna kebebasan,+ katanya.

+Kebebasan ialah untuk menceritakan apa yang benar,+ ujarinya lagi.

Selain itu, Perdana Menteri juga telah menjelaskan kepada Menteri Luar Australia itu bahawa di England juga ada akhbar yang memihak kepada kerajaan dan ada akhbar yang tidak.

Pada umumnya, beliau tidak dapat memberikan gambaran hubungan selanjutnya antara Australia dan negara ini selain berkata: +Kita tengoklah apa terjadi selepas ini+. -- Bernama

♥27/07/15-51MST